

Orang-orang Mazandaran



Orang-orang yang berbahasa Mazandaran di Iran adalah di antara tiga dan 4.5 juta orang yang tinggal di wilayah Mazandaran dan wilayah jiran yang bersempadan dengan

Laut Caspian, di Utara Iran. (Laut Caspian sebenarnya disebut sebagai Laut Khazar atau Laut Mazandaran di Parsi). Wilayah Mazandaran dibahagikan kepada pemandangan semulajadi yang indah: kawasan laut dan banjaran gunung Alborz. Gunung yang tertinggi di Iran adalah Damavand (5,600 meter, terletak di wilayah itu). Bahasa Mazandaran berkaitan dengan bahasa Gilaki dan juga dengan bahasa Parsi (Farsi) yang merupakan bahasa rasmi negara Iran. Orang Mazandaran yang lebih berpendidikan dapat membaca Farsi dengan baik. Hampir

100% Orang-orang ini adalah orang Muslim Syi'ah dan agama Islam telah wujud di wilayah ini lebih kurang 1,300 tahun. Adalah menjadi suatu kesalahan utama untuk menukar agama dari Islam ke agama lain di negara Iran. Hukuman berat bagi peraturan ini jarang dilaksanakan, tetapi seseorang Muslim yang bertukar agama tentunya akan menerima penganiayaan dari keluarga dan komuniti tempatan serta mengalami kesukaran di dalam ekonomi sebagai hasil penyingkiran dari sesetengah pekerjaan, pilihan perniagaan dan faedah-faedah kerajaan.



Pengikut-pengikut

Yesus: Terdapat sejumlah gereja-gereja sel yang kecil dan orang-orang percaya yang tersebar di sekitar kawasan ini. Sebagai tambahan, di kalangan empat juta orang Iran yang mendapatkan perlindungan di negara-negara lain, terdapat orang-orang Mazandaran yang percaya kepada Tuhan di kebanyakan tempat di seluruh dunia. Kebanyakan orang Mazandaran yang percaya mulai menyedari kelebihan bahan-bahan audio dan ingin mempromosikan aktiviti

penterjemahan firman. Usaha ini berada pada tahap permulaan dan kebanyakan empat injil itu sudah ada dalam bentuk draf pertama. Terdapat kemungkinan bahawa adaptasi secara komputer dapat digunakan untuk membuat terjemahan firman Mazandaran kepada bahasa yang berkaitan. Siaran radio dan satelit sudah dirancang. Latihan dan pemuridan untuk sekumpulan kecil orang-orang percaya di Iran telah dijalankan secara tersembunyi.

BAHAN-BAHAN DOA:

- *Berdoalah untuk hati yang terbuka kepada Injil.*
- *Berdoa supaya orang-orang Mazandaran yang sedikit itu akan bertumbuh di dalam iman dan mengembangkan kemahiran-kemahiran pelayanan, menjadi aktif dan efektif untuk bersaksi secara rahsia di dalam keadaan yang sukar ini.*
- *Berdoalah untuk perlindungan rohani dan*



fizikal bagi orang-orang yang percaya (beberapa orang telah melalui penganiayaan).

➤ *Berdoalah untuk kumpulan penterjemahan fiman Mazandaran dan usaha mereka.*

Cara hidup orang-orang

Mazandaran

Lebih kurang 50% orang-orang Mazandaran mengekalkan cara

hidup yang tradisional di dalam pertanian, penternakan lembu dan pembiakan kuda serta tenunan permaidani yang dilakukan oleh kaum wanita. Seseengah orang terlibat di dalam pelbagai pengeluaran dan perusahaan komersial. Orang-orang Mazandaran adalah di antara orang-orang Iran yang berpendidikan dan maju. Pada 1970-an, pembentukan semula membawa masuk skala pemprosesan yang besar dan penyebaran produk pertanian, pengeluaran dan pelaburan. Harga minyak yang melambung naik membawa perniagaan baru seperti simen,

kain kapas dan perusahaan tekstil. Perikanan berkembang di kawasan pantai.

www.30-days.net

www.30daysfire.net

30 Hari Doa bagi Dunia Muslim

